

Geografi Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang: Analisis Prestasi MCA dan DAP dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2013

Electoral Geography of Penang: An Analysis of MCA and DAP in General Election 2013

Junaidi Awang Besar
Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan (SEEDS),
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
emel: jab@ukm.edu.my

Received: 18 January 2017; Accepted: 3 February 2017; Published: 30 April 2017

Abstrak

Geografi pilihan raya adalah kajian aspek keruangan organisasi manusia dan keputusan pilihan raya. Fokus utamanya adalah manusia dan interaksinya dengan proses pengundian. Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 menyaksikan Barisan Nasional (BN) berjaya mengekalkan kuasa untuk penggal ke-13 setelah berjaya menguasai 133 kerusi Parlimen berbanding dengan parti-parti dalam Pakatan Rakyat (PR) yang memenangi 89 kerusi Parlimen. PRU-13 ini juga dikatakan 'Tsunami Politik Cina' dan 'Tsunami Politik Bandar' berikutan kekalahan besar *Malayan Chinese Association* (MCA) serta kemenangan besar *Democratic Action Party* (DAP). Secara keseluruhannya, pada PRU-13 ini menunjukkan perubahan corak pengundian yang dipengaruhi oleh senario yang berlaku dalam persekitaran sosial, ekonomi dan politik. Negeri Pulau Pinang merupakan negeri yang mempunyai ramai pengundi Cina iaitu 53.38 peratus. Secara keseluruhannya, MCA tewas di kesemua kerusi DUN di Pulau Pinang manakala DAP pula menang di 19 kerusi DUN di Pulau Pinang. Justeru, keputusan PRU tersebut dikaitkan dengan sokongan padu pengundi Cina kepada parti-parti dalam Pakatan Rakyat kerana budaya politik etnik Cina yang menunjukkan mereka mempunyai pemikiran politik yang dinamik serta terbuka dalam memilih parti atau calon yang bertanding dalam pilihan raya tersebut. Faktor sokongan etnik Cina kepada parti politik lebih bersifat universal iaitu mementingkan isu nasional seperti isu rasuah, keadilan dan ketelusan berbanding isu lokal/setempat. Mereka juga bersifat 'berani berubah' secara total atau disebut sebagai 'tsunami politik' dengan memecah tembok 'status quo' BN.

Kata kunci geografi pilihan raya, pilihan raya umum, tsunami politik Cina

Abstract

Electoral geography is the study of spatial human organization aspect and election result. Its main focus is human and their interaction with the voting process. General Election (GE) 2013 witnessed the Barisan Nasional (BN) managed to retain power for the 13th term after successfully secured the 133 parliamentary seats compared to the parties in the Pakatan Rakyat (PR), which won 89 parliamentary seats. GE-13 is also said to be 'Chinese Political Tsunami' and 'Urban Political Tsunami' due to heavy losses of Malayan Chinese Association (MCA) and a big win of Democratic Action Party (DAP). Overall, the GE-13 shows a change in voting patterns that are influenced by the prevailing scenario in the social, economic and political. Penang is a state with many Chinese voters, respectively 53.38 percent. Overall, MCA loss in state legislative assembly (DUN) seat in Penang, while DAP won 19 DUN state seats in Penang. Hence, the result of GE 2013 is associated with the strong support of the Chinese voters to parties in Pakatan Rakyat because the political culture of ethnic Chinese that show they have the dynamic political thinking and open minded in selecting the party or candidate who will be contesting in the election. The factor of ethnic Chinese support towards political parties is more universal which emphasize on national issues such as corruption issue, fairness and transparency compared to the issue of local/regional. They also have the character of 'dare to change' in total or referred as a 'political tsunami' by breaking the 'status quo' wall of BN.

Keywords electoral geography, general elections, Chinese political tsunami

PENGENALAN

Geografi pilihan raya adalah kajian aspek keruangan organisasi manusia dan keputusan pilihan raya. Fokus utamanya adalah manusia dan interaksinya dengan proses pengundian. Dalam PRU-13, Barisan Nasional (BN) berjaya mengekalkan kuasa setelah berjaya menguasai 133 kerusi Parlimen berbanding dengan Pakatan Rakyat (PR) yang memenangi 89 kerusi Parlimen. PRU-13 ini juga dikatakan ‘Tsunami Politik Cina’ dan ‘Tsunami Politik Bandar’, berikutan kekalahan besar *Malayan Chinese Association* (MCA) serta kemenangan besar *Democratic Action Party* (DAP). Secara keseluruhannya, pada PRU-13 ini menunjukkan perubahan corak pengundian yang dipengaruhi oleh senario yang berlaku dalam persekitaran sosial, ekonomi dan politik. Akibat daripada perubahan ini, keperluan maklumat bagi tindak balas yang lebih cepat telah meningkat bagi keberkesanan proses pentadbiran, perancangan, pembuatan keputusan dan pembangunan. Perkembangan pesat dalam pembangunan negara, telah membawa kepada permintaan terhadap maklumat-maklumat terkini, tepat dan sah. Maklumat terutamanya maklumat ruangan menjadi semakin penting dalam semua jenis perancangan dan pembuatan keputusan. Justeru artikel ini melihat perbandingan prestasi MCA dan DAP dalam PRU 2013 bagi kerusi Parlimen dan juga DUN di negeri Pulau Pinang.

GEOGRAFI PILIHAN RAYA

Geografi pilihan raya merupakan satu bidang kajian mengenai perbezaan aspek geografi seperti kawasan, persempadanan, kependudukan, pembangunan dan pengaruh ekonomi terhadap trend politik kewilayahan (Junaidi, 2016a). Geografi pilihan raya juga adalah kajian aspek ruangan organisasi manusia dan keputusan pilihan raya. Subjek kajian yang utama adalah manusia dan interaksinya dengan proses pengundian termasuk keputusan pilihan raya (Amer Saifude, 2009). Dalam erti kata lain, geografi pilihan raya menekankan aspek analisis geografi dalam pilihan raya iaitu kajian tentang pola ruang dan kuasa dalam pengundian serta pengaruh faktor sejarah, sosiologi, ekonomi dan faktor setempat terhadap tingkah laku pengundi dan keputusan pilihan raya di sesuatu kawasan. Faktor yang dikaji adalah untuk mengetahui sejauhmana aspek geografi manusia mempengaruhi pola sokongan sesebuah parti politik. Faktor geografi juga boleh mempengaruhi sesebuah parti politik membuat dasar/rancangan dan strategi mereka untuk mengekalkan sokongan di kawasan lemah atau faktor yang menggalakkan wakil rakyat menyokong keputusan untuk kepentingan pengundi di kawasan tersebut (Sothi, 1993).

Kajian awal tentang pilihan raya dari sudut geografi atau ruang menimbulkan andaian bahawa rakyat mengundi selaras dengan apa yang mereka anggap penting dari perspektif mereka. Ruang merujuk kepada sifat atau fenomena yang dibahagikan dalam sesuatu lingkungan, kawasan atau sempadan. Elemen ruang seperti perletakan, lokasi, kejiranan dan jarak dilihat mempengaruhi tingkah laku dan pembuatan keputusan. Manusia akan berinteraksi dengan siapa atau di mana berasaskan kepada lokasi dan kejiranan di mana mereka berada. Elemen ruang adalah bahagian penting yang terkandung dalam geografi politik khususnya dalam kajian pilihan raya (Rosmadi et al., 2011).

Corak pengundian di seluruh negara telah banyak berubah kerana dipengaruhi oleh perubahan yang berlaku di persekitaran sosial, ekonomi dan politik. Akibat daripada perubahan ini, keperluan maklumat bagi tindak balas yang lebih cepat telah pun meningkat bagi meningkatkan lagi keberkesanan proses pentadbiran, perancangan, pembuatan keputusan dan pembangunan. Perkembangan pesat dalam pembangunan negara, telah membawa kepada permintaan terhadap maklumat-maklumat terkini, tepat dan sah. Maklumat terutamanya maklumat ruangan menjadi semakin penting dalam semua jenis perancangan dan pembuatan keputusan. Perkara tersebut penting dalam memahami dan mempengaruhi secara aktif segala proses teknologi, sosioekonomi, politik dan ruangan dengan cara yang rasional dan sistematik (Ruslan & Noresah, 1998). Begitu juga dengan maklumat pilihan raya telah banyak berubah kerana dipengaruhi oleh perubahan yang berlaku di persekitaran sosial pada masa kini. Peranan faktor ruangan ke atas keputusan dan tindakan dalam pengundian di sempadan sesuatu kawasan pilihan raya merupakan elemen penting dalam pengkajian geografi politik. Kepentingan proses-proses ruangan dikaji

untuk melihat peranan faktor ruangan ke atas keputusan dan tindakan individu dalam pengundian seperti pengaruh kejiranan yang berlaku dalam sesuatu wilayah atau sempadan sesuatu kawasan.

SOROTAN LITERATUR

Junaidi et al. (2015a) mendapati medium geopolitik popular kartun paling berkesan dan masih berpengaruh dalam menentukan persepsi dan pilihan politik responden kerana grafik yang menarik serta mempunyai unsur motif yang mudah difahami serta dapat mempengaruhi minda responden untuk memahami sesuatu isu politik. Geopolitik popular memainkan peranan penting untuk membangkitkan kesedaran terhadap sesuatu konflik politik. Geopolitik popular juga dapat memberikan peluang kepada semua pihak untuk membuat pertimbangan rasional terhadap keputusan dan impak sesuatu isu. Namun demikian geopolitik popular merupakan medium propaganda yang berkesan dalam mempengaruhi persepsi dan partisipasi politik. Justeru, kajian ini cuba mengaitkan pengaruh kuasa maklumat politik yang disampaikan melalui media lagu, filem dan kartun yang membentuk geopolitik popular dengan terhadap gelagat politik pengundi muda (pelajar universiti awam) iaitu dari segi partisipasi, persepsi dan sokongan kepada parti politik.

Junaidi (2016b) dalam kajian pola pengundian PRU 2013 Malaysia menjelaskan bahawa Pilihan Raya Umum ke-13 (2013) merupakan pilihan raya yang paling sengit dalam sejarah pilihan raya di Malaysia sehingga disifatkan oleh sarjana politik sebagai *mother of election* atau 'ibu segala pilihan raya' di Malaysia. Hal ini kerana buat pertama kalinya dalam sejarah pihak pembangkang mempunyai peluang yang hampir seimbang dalam memenangi pilihan raya tersebut. Keputusan pilihan raya di peringkat kerusi Parlimen menunjukkan pengurangan jumlah kerusi yang dimenangi oleh BN apabila hanya memenangi 133 kerusi (60 peratus) berbanding 140 kerusi dalam PRU 2008. Ini sekaligus bermaksud BN gagal mendapatkan kembali mandat majoriti dua per tiga kerusi Parlimen daripada jumlah keseluruhan 222 kerusi Parlimen sebagaimana 'tsunami politik' dalam PRU 2008. Namun yang menariknya undi popular berpihak kepada PR apabila memperolehi 51 peratus berbanding BN hanya memperoleh 47 peratus. Keputusan sedemikian menunjukkan sistem demokrasi masih dipraktikkan di negara ini. Justeru, BN selaku pemerintah pusat perlu melakukan sesuatu, mungkin mereformasikan strategi politik dan pemimpin mereka ke arah menawan semula hati pengundi yang tidak menyokong mereka agar mendapat mandat yang lebih kukuh iaitu majoriti 2/3 kerusi Parlimen seterusnya menawan semula 'negeri-negeri kaya' iaitu Selangor dan Pulau Pinang pada PRU akan datang. Bagi parti-parti pembangkang pula, ruang demokrasi yang ada perlu dimanfaatkan sebaiknya di samping dapat memainkan peranan 'sekat dan imbang' untuk manfaat rakyat di negara ini.

Junaidi (2016a) dalam kajian geografi pilihan raya di kawasan Parlimen Bagan Serai, Perak menghuraikan bahawa kawasan Parlimen Bagan Serai merupakan kawasan luar bandar yang dihuni majoriti Melayu terutamanya berketurunan Banjar yang berasal daripada Indonesia mempunyai sokongan kepada BN dan PAS/PKR yang seimbang. Namun kedua-dua parti politik tersebut mempunyai penyokong atau kubu kuat di kawasan Daerah Mengundi tertentu iaitu BN di Alor Pongsu, Matang Gerdu, Changkat Lobak, Parit Simpang Lima, Kedai Dua, Pandak Puteh, Kubu Gajah, Kota Bandung, Telok Medan, Jalan Gula, Kampong Dew, Matang Jelutong dan Pondok Tanjong Barat manakala PAS/PKR di Mesjid Tinggi, Parit Gabis, Jalan Baharu, Parit Haji Amin, Gunong Semanggol dan Parit Haji Taib. Kawasan Parlimen ini juga mengalami persempadanan semula kawasan pilihan raya di samping merupakan tempat penubuhan PAS iaitu di Gunung Semanggol. Faktor identifikasi parti, ideologi keagamaan Islam, politik pembangunan, isu semasa dan faktor calon mempengaruhi sokongan pengundi kepada parti politik yang bertanding mengikut kawasan-kawasan daerah mengundi tertentu. Justeru, kawasan ini menarik untuk dianalisis mengenai perubahan persempadanan bahagian pilihan raya, keputusan pilihan raya, faktor kemenangan atau kekalahan dan pola pengundian untuk kegunaan dan rujukan parti politik mahupun ahli akademik dan pihak berkuasa/kerajaan kelak.

Junaidi et al. (2016a) dalam kajian geografi pilihan raya di kawasan DUN Manir, Terengganu mendapati bahawa faktor idealisme atau fahaman keislaman dan perkauman Melayu yang kuat dan sehati, ketokohan calon, faktor sosiologi atau kekeluargaan, faktor anak tempatan, faktor kekuatan jentera parti dan faktor isu semasa dan setempat mempengaruhi sokongan pengundi kepada PAS dan BN/UMNO mengikut kawasan-kawasan daerah mengundi tertentu. Pengundi di kawasan DUN Manir ini yang tidak

terlalu ramai (tidak lebih 15,000 orang pengundi pada PRU 2014), lebih ramai bersikap partisan turun-temurun dalam keluarga masing-masing serta pengundi atas pagar yang agak minimum menyebabkan jentera parti berkempen untuk mengukuhkan sokongan ahli parti sahaja. Meskipun kawasan DUN Manir dimenangi PAS terus-menerus sejak PRU 1990-2013 iaitu selama 6 penggal berturut-turut namun dengan majoriti yang kurang 500 undi setiap pilihan raya tersebut (kecuali PRU 1999 dan 2013) membuktikan kawasan ini masih mampu sama ada kekal dimenangi PAS ataupun masih dapat ditawan oleh BN/UMNO. Justeru, kawasan yang marginal ini menarik untuk dikaji atau dianalisis terhadap perubahan persempadanan bahagian pilihan raya, komposisi etnik pengundi, keputusan pilihan raya, faktor kemenangan atau kekalahan dan pola pengundian untuk kegunaan dan rujukan parti politik mahupun ahli akademik dan pihak berkuasa/kerajaan kelak.

Junaidi et al. (2016b) dalam kajian pola pengundian etnik Melayu dalam PRU 2013 menjelaskan bahawa UMNO/BN terus menguasai kawasan Melayu luar bandar dan pengundi Melayu kelas pekerja namun pola tersebut berbeza mengikut lokasi negeri. Pakatan parti pembangkang berpengaruh di kawasan Melayu bandar dan pengundi Melayu kelas atasan dan pertengahan/berpendidikan tinggi. Kedua-dua keadaan sedemikian (penguasaan BN dan pakatan parti pembangkang di kawasan dan kelas yang berbeza) disebabkan oleh sumber maklumat politik, keadaan ekonomi individu, politik pembangunan, faktor isu, kepemimpinan, ideologi politik, faktor sejarah dan juga faktor sosiologi seperti kekeluargaan, umur, jantina, tahap pendidikan, pendapatan, etnik, agama dan kelas. Justeru pola pengundian etnik Melayu juga dapat dikaitkan dengan tiga pendekatan yang digunakan dalam mengkaji tingkah laku mengundi iaitu pendekatan sosiologikal, pendekatan identifikasi parti dan pendekatan pilihan rasional. Trend pengundian dalam PRU 2013 juga menunjukkan sokongan terhadap UMNO bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum Melayu. Hal ini menyumbang kepada pengukuhan hegemoni UMNO terhadap pengundi Melayu hingga sekarang. Pengundi Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar yang hanya menerima maklumat daripada media arus perdana; yang juga dibelenggu kemiskinan yang masih serba kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur yang amat dipengaruhi oleh sentimen 'politik pembangunan'. Mereka masih memerlukan bantuan atau 'tongkat' serta mempunyai mentaliti bahawa orang Melayu sebagai 'tuan' dan penduduk 'asal' di Malaysia ini dan berpandangan hanya UMNO/BN yang layak dan sesuai mentadbir negara dan negeri berdasarkan pengalaman 58 tahun memerintah negara dan negeri, akan terus menyokong UMNO/BN.

Junaidi et al. (2016a) dalam kajian politik negeri Terengganu pada PRU 2013 mendapati bahawa keputusan PRU 2013 di negeri Terengganu mengejutkan ramai pihak terutamanya pengkaji politik dan pemimpin politik di peringkat nasional. Hal ini kerana fenomena kebalikan sokongan pengundi Melayu kepada BN/UMNO seluruh negara tidak terkesan di Terengganu sebaliknya hampir-hampir menyingkirkan pemerintahan BN di negeri pantai timur ini. Program PAS Ganti UMNO anjuran Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu sejak tahun 2008 hingga 2013 di kesemua lapan parlimen di negeri ini menunjukkan kesan positif kepada PAS yang hampir menawan negeri Terengganu. Hampir kesemua kawasan DUN menyaksikan penurunan majoriti BN dan beberapa orang calon BN yang juga merupakan EXCO Kerajaan Negeri Terengganu tewas mengejut kepada calon baharu daripada PAS. Dari segi pola pengundian, PAS dan PKR menang di kawasan bandar yang mempunyai pengundi yang bermaklumat dan mengalami penembusan internet dan media sosial yang baik, berbanding dengan BN yang menang kebanyakannya di kawasan luar bandar yang kehidupan rakyat serba miskin dan memerlukan bantuan pihak berkuasa serta hanya bergantung kepada sumber maklumat politik daripada media arus perdana. Penguasaan tipis BN di Terengganu juga menyaksikan Terengganu hampir-hampir terjebak dalam krisis politik berikutan pelantikan Ahmad Razif Abd Rahman (ADUN Seberang Takir) sebagai Menteri Besar baharu bagi menggantikan Ahmad Said pada Mei 2014. Ahmad Said dan beberapa lagi ADUN mengisytiharkan keluar UMNO sebelum menarik semula keputusannya itu.

Teh (1996) dalam kajian trend pengundian kaum Cina di Pulau Pinang mendapati bahawa faktor ekonomi adalah penentu yang signifikan terhadap tingkah laku pengundian Cina dalam pilihan raya umum tahun 1995 di Pulau Pinang. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa sebilangan pengundi yang mengidentifikasi diri mereka dengan parti tertentu tetapi tidaklah begitu setia kepada parti dan akan berubah sikap mengikut keadaan. Pendekatan pemilihan rasional dan pendekatan identifikasi parti penting dalam proses pembentukan trend pengundian Cina di Pulau Pinang.

Toh (2003) yang telah membuat kajian tentang perubahan corak mengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Machang Bubuk, Pulau Pinang pada PRU 1995 dan PRU 1999 mendapati pada

PRU 1995, corak pengundian adalah lebih berpihak kepada BN. BN masih memegang kuasa di sini kerana mendapat sokongan yang kuat daripada penduduk Melayu yang menjadi majoriti di kawasan ini. Namun pada tahun 1999, corak pengundi Melayu di kawasan ini telah berubah di mana BN telah mendapat persaingan daripada Parti Keadilan Nasional (PKN). Walaupun undian untuk BN semakin berkurang namun ia masih mendapat sokongan majoriti daripada kumpulan etnik lain. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pola undian pada PRU 1999 iaitu faktor yang utama ialah faktor pengaruh bekas Timbalan Perdana Menteri iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim di mana kawasan ini kebanyakannya adalah penyokong beliau kerana beliau berasal dari kawasan ini. Faktor kedua ialah kerana pembangunan kawasan majoriti Melayu yang semakin terkebelakang berbanding dengan kawasan yang diduduki oleh etnik lain.

Namun begitu, BN tetap mendapat sokongan daripada penduduk di kawasan ini yang bukan dari etnik Melayu. Oleh yang demikian Toh (2003) dalam tulisannya telah membuat satu kesimpulan bahawa "*...the constituency has now been changed from a safe to a marginal seat. The Malay belt within Permatang Pauh and Machang Bubuk will probably remain a stronghold of Anwar Ibrahim and the voters here likely to continue to support the opposition. For Machang Bubuk, victory or otherwise for the BN depends on how the Chinese and Indian vote.*"

Junaidi et al. (2009) menjelaskan Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Penanti 2009 diadakan setelah penyandangannya, Mohammad Fairus Khairuddin meletakkan jawatan sebagai ADUN kawasan tersebut atas dakwaan rasuah. Pada 28 April 2009, Timbalan Pengerusi Parti Keadilan Rakyat (PKR) Pulau Pinang, Mansor Othman dipilih sebagai calon PKR bagi Pilihan Raya Kecil DUN Penanti. Pada 18 Mei 2009, Pengerusi BN, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak mengumumkan BN tidak bertanding dalam PRK tersebut. Keputusan diambil setelah Dewan Tertinggi BN memutuskan untuk tidak meletakkan calon kerana kekosongan tersebut bukan disebabkan oleh peruntukan dalam perlembagaan iaitu kekosongan tersebut disebabkan kerana PKR hendak menyelesaikan masalah dalaman mereka. Walaupun tanpa calon BN, PRK tersebut menyaksikan pertandingan empat penjuror iaitu antara calon PKR (Mansor Othman) dan calon Bebas ialah Kamarul Ramizu Idris, Nai Khan Ari (pemimpin GERAKAN bahagian Permatang Pauh) dan bekas pemimpin Wanita PKR negeri iaitu Aminah Abdullah.

PKR mempunyai kelebihan dari segi calon kerana calonnya mempunyai tahap pendidikan yang tinggi serta berpengalaman luas dalam aktiviti politik, pentadbiran dan akademik. Kempen yang dijalankan agak lesu akibat ketiadaan BN. Namun PKR mempunyai kelebihan dari segi jentera kempen kerana mempunyai petugas akar umbi yang ramai dan kuat serta dibantu oleh rakan-rakan Pakatan Rakyat iaitu PAS dan DAP. Kempen pilihan raya kali ini didominasi oleh PKR yang mengadakan lawatan rumah ke rumah, ceramah kelompok serta ceramah mega yang disampaikan oleh pemimpin tertinggi PKR, DAP dan PAS manakala calon-calon Bebas menjalankan kempen penerangan dari rumah ke rumah dan sekitar pekan sehari. Terdapat juga penggunaan bendera, poster dan risalah kempen dalam kalangan semua calon yang bertanding. Isu kempen dimainkan oleh calon Bebas iaitu Aminah Abdullah yang mendakwa PKR cuba merasuah beliau supaya menarik diri daripada bertanding manakala PKR mencanangkan isu kredibiliti BN yang tidak bertanding dalam pilihan raya tersebut. Pilihan raya kecil tersebut dimenangi PKR dengan majoriti 5,558 undi.

Ibrahim et al. (2009) dalam kajian "Isu dan tingkah laku semasa kempen Pilihan Raya Kecil Parlimen Permatang Pauh" menyatakan bahawa isu ekonomi merupakan isu yang hangat dibincangkan di kawasan tersebut. Rakyat mahukan perubahan terutamanya masalah ekonomi yang tidak menentu agar kehidupan mereka lebih terjamin. Oleh itu, masalah kepimpinan, rasuah dan kroni perlu diatasi dengan segera oleh BN agar mereka boleh menawan semula hati rakyat. Menurut Mohammad Redzuan et al. (2009) dalam PRK Permatang Pauh, BN dan PKR mempunyai kelebihan dan kekurangan dalam menggunakan pendekatan kempen bagi menarik perhatian pengundi. Dari segi jentera yang dimiliki di lapangan kekuatan yang dimiliki oleh kedua-dua parti boleh dikatakan agak seimbang. Namun begitu, dari segi semangat yang ditunjukkan ternyata jentera PKR lebih bersemangat dan mempamerkan keberkesanan dalam menghadapi pilihan raya kecil tersebut.

Junaidi (2012) dalam kajian PRK Permatang Pasir 2009 mendapati 60 peratus responden menyatakan dasar yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat/pakatan pembangkang banyak menguntungkan orang bukan Melayu dan 81 peratus menyatakan DAP lebih memainkan peranan dalam membuat keputusan polisi Kerajaan Negeri. Dari perspektif jangkaan keputusan pilihan raya kecil, 60 peratus responden menyatakan PAS akan mengekalkan kemenangan di DUN tersebut. PAS berjaya

mengekalkan kemenangan di DUN tersebut melalui calonnya Mohd. Salleh Man yang menewaskan calon BN (UMNO), Rohaizat Othman dengan majoriti 4,551 undi. Faktor kejayaan PAS mengekalkan kemenangan adalah kawasan tersebut adalah kubu kuat pakatan pembangkang iaitu kawasan penasihat PKR iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim (ahli Parlimen Permatang Pauh) dan isu kredibiliti calon BN yang dimainkan oleh penceramah-penceramah daripada parti-parti dalam Pakatan Rakyat.

Junaidi et al. (2015b) dalam kajiannya di Kawasan Parlimen Rompin, Pahang dan Parlimen Permatang Pauh, Pulau Pinang 2015' menjelaskan bahawa dalam kedua-dua PRK tersebut, banyak isu nasional telah diketengahkan iaitu 1MDB, isu yang berkaitan FELDA, isu GST dan juga seperti biasa politik pembangunan. Namun isu nasional lebih mempengaruhi dalam PRK Permatang Pauh dan politik pembangunan terus ditagih oleh pengundi dalam PRK Rompin. Keputusan PRK tersebut menunjukkan BN dan PKR berjaya mengekalkan kerusi yang dimenangi oleh parti-parti tersebut pada PRU-13, 2013 yang lalu. Oleh itu dalam PRK tersebut memperlihatkan pemimpin atau calon lama tetap dipilih oleh rakyat di kedua-dua kawasan tersebut. Ini menunjukkan ikatan identifikasi parti pengundi begitu kuat kepada BN di Rompin dan PKR (Permatang Pauh) walaupun kedua-dua parti ini meletakkan calon lama (kitar semula) sebagai calon dalam pilihan raya-pilihan raya kecil tersebut.

Mohd Hariszuan (2016) dalam kajian Pilihan Raya Umum (2013) di Pulau Pinang mendapati terdapat peningkatan undi popular parti-parti dalam Pakatan Rakyat di negeri ini meskipun berdepan dengan kempen besar-besaran BN. Namun, Pakatan Rakyat masih gagal untuk memenangi sebahagian besar pengundi Melayu negeri ini apabila mereka bukan sahaja kalah sebuah kerusi Parlimen dengan majoriti Melayu, malah berlaku kemerosotan sokongan pengundi Melayu di banyak kerusi lainnya. Makalah ini cuba menjelaskan bahawa orientasi pengundi Melayu ini bukan sahaja disebabkan oleh propaganda perkauman yang memecahkan undi berdasarkan garis kaum, malahan juga psikologi feodal yang masih menebal dalam kalangan pengundi Melayu. Psikologi feodal ini juga berdepan dengan nilai *developmentalism* yang juga mempengaruhi kuat corak pengundian dalam PRU-13 ini.

METOD/DATA KAJIAN

Kajian ini menganalisis data primer iaitu data keputusan PRU 2013 bagi negeri Pulau Pinang. Manakala untuk mengukuhkan lagi hasil dan analisis kajian dilakukan melalui rujukan kepustakaan (sekunder) yang merangkumi analisis kandungan buku-buku rujukan akademik, artikel jurnal, kertas seminar dan persidangan, akhbar dan juga bahan-bahan daripada sumber atas talian/online atau internet/blog yang berkenaan.

KAWASAN KAJIAN


Pulau Pinang ialah sebuah negeri yang terletak di bahagian pantai barat sebelah utara Semenanjung Malaysia. Negeri ini terbahagi kepada dua bahagian oleh Selat Melaka iaitu Seberang Perai di tanah besar Semenanjung Malaysia dan Pulau Pinang di bahagian pulau. Keluasan kawasan pulau adalah 285 km² yang terpisah sepenuhnya daripada Seberang Perai. Kedua-dua bahagian dihubungkan dengan perkhidmatan feri dan Jambatan Pulau Pinang yang panjangnya 13.5 km. Pulau Pinang mempunyai bilangan penduduk seramai 1.6 juta orang. Negeri ini merupakan petempatan British yang pertama di Semenanjung Malaysia. Nama pulau ini diambil daripada nama pokok pinang (*areca catechu*). Ia juga dipanggil Tanjung Bidara sebelum dikenali Pulau Pinang. Pulau Pinang mempunyai KDNK per kapita yang kedua tertinggi di negara ini, iaitu RM 33,456 pada tahun 2010 di Malaysia selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, iaitu RM 55,951. Pulau Pinang adalah salah satu daripada 13 buah negeri-negeri di Malaysia. Pulau Pinang dipisahkan antara negeri Kedah di sebelah utara dan timur, negeri Perak di sebelah selatan dan perairan Selat Melaka dan Sumatera (Indonesia) di sebelah barat.

Negeri Pulau Pinang mempunyai kepadatan penduduk yang sederhana di Malaysia, dengan 2,031.74 penduduk sekilometer persegi di pulau, dan 865.99 penduduk sekilometer persegi di Seberang Perai. Komposisi kaum mengikut bangsa pada 2006 ialah Cina iaitu 635,500 orang (42.5 peratus), Melayu dengan 612,300 orang (41.0 peratus), India seramai 148,000 (9 peratus), Bumiputera Bukan Melayu dengan 5,600 (0.38 peratus) dan Bukan Warganegara seramai 91,200 (6.1 peratus). Negeri Pulau Pinang adalah negeri yang mempunyai peratusan etnik Melayu dan penganut Islam terendah di Semenanjung Malaysia. Pulau Pinang juga mempunyai komuniti Yahudi dan Armenia, namun selepas Perang Dunia

Kedua dan penubuhan negara Israel, komuniti Yahudi dan Armenia di Pulau Pinang hampir lenyap. Terdapat juga komuniti peniaga Arab, Jerman, Inggeris dan Belanda di Pulau Pinang, selain itu Pulau Pinang mempunyai golongan ekspatriat yang besar yang kebanyakannya berasal dari United Kingdom, Australia, negara-negara Eropah, dan Jepun.

Dari segi geografi pilihan raya, negeri Pulau Pinang mempunyai 13 bahagian pilihan raya Parlimen dan 40 DUN. Kawasan-kawasan pilihan raya di Pulau Pinang adalah seperti berikut iaitu Parlimen Kepala Batas (DUN Penaga, DUN Bertam dan DUN Pinang Tunggal), Tasek Gelugor (Permatang Berangan, Sungai Dua dan Telok Ayer Tawar), Bagan (Sungai Puyu, Bagan Jermal dan Bagan Dalam), Permatang Pauh (Seberang Jaya, Permatang Pasir dan Penanti), Bukit Mertajam (Berapit, Machang Bubuk dan Padang Lalang), Batu Kawan (Perai, Bukit Tengah dan Bukit Tambun), Nibong Tebal (Jawi, Sungai Bakap dan Sungai Acheh), Bukit Bendera (Tanjung Bunga, Air Putih, Kebun Bunga dan Pulau Tikus), Tanjung (Padang Kota, Pengkalan Kota dan Komtar), Jelutong (Datok Keramat, Sungai Pinang dan Batu Lanchang), Bukit Gelugor (Seri Delima, Air Itam dan Paya Terubong), Bayan Baru (Batu Uban, Pantai Jerejak dan Batu Maung) dan Balik Pulau (Bayan Lepas, Pulau Betong dan Telok Bahang) (Rajah 1).

Jumlah seluruh Daerah Mengundi (DM) di Pulau Pinang ialah sebanyak 303 dengan jumlah saluran mengundi sebanyak 1,599 buah saluran dan 32 Pusat Mengundi Awal. Pulau Pinang mempunyai seramai 846,232 orang pengundi berdaftar yang terdiri daripada pelbagai komposisi etnik dan kategori pengundi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 35.27 peratus (298,424 orang) ialah orang Melayu, 53.38 peratus (451,727 orang) pengundi berbangsa Cina, 10.88 peratus atau 92,066 orang India, 0.77 peratus (556 orang) Bumiputera Sabah, 0.77 peratus (579 orang) Bumiputera Sarawak, 0.10 peratus (11 orang) Orang Asli serta bangsa-bangsa lain sebanyak 0.34 peratus atau 2,869 orang. Dari segi kategori, terdapat 834,711 pemilih biasa, 5,631 pemilih tentera dan pasangan, 5,766 pemilih polis dan pasangan dan 124 pengundi tidak hadir luar negara.



Rajah 1 Peta persempadanan bahagian pilihan raya negeri Pulau Pinang

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2013)

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Pencapaian MCA dan DAP dalam PRU 2013 di Pulau Pinang

Pulau Pinang, terkenal sebagai sebuah negeri pelancongan serta menjadi tumpuan utama dan persaingan utama antara DAP serta parti komponen Cina dalam BN khususnya Gerakan dan MCA. Pada PRU 2013, Pulau Pinang diperuntukkan oleh SPR sebanyak 13 kerusi Parlimen dan 40 kerusi DUN, manakala jumlah pengundi di Pulau Pinang pula, 35.27 peratus adalah Melayu, 53.38 peratus (Cina), 10.88 peratus (India), Bumiputera Sabah dan Sarawak (0.14 peratus) dan lain-lain (0.34 peratus). Dalam PRU-13 ini, PR berjaya mempertahankan kemenangan pada PRU 2008 dan membentuk Kerajaan Negeri untuk penggal kedua dengan Lim Guan Eng dilantik sebagai Ketua Menteri. Pada peringkat Parlimen, BN menguasai tiga kerusi, DAP tujuh kerusi dan PKR tiga kerusi. Bagi DUN pula, DAP menguasai 19 kerusi manakala PKR dan BN 10 kerusi serta PAS satu kerusi.

Secara keseluruhannya, dapat dilihat pencapaian BN di Pulau Pinang dilihat merosot akibat daripada peralihan undi masyarakat Cina dan bandar sepenuhnya kepada pembangkang. BN dilihat hanya diterima di kawasan luar bandar serta di bahagian Seberang Prai sahaja. BN hanya menguasai 10 kerusi DUN dengan tiada parti komponen lain menang di Pulau Pinang kecuali UMNO. Begitu juga kerusi Parlimen pula, apabila UMNO sahaja yang menang iaitu di Kepala Batas, Tasek Gelugor dan Balik Pulau. Namun BN boleh berbangga kerana berjaya merampas kembali kerusi Balik Pulau daripada PKR, melalui Datuk Seri Dr. Hilmi Yahya yang menewaskan calon PKR (Mohd Bakhtiar Wan Chik) dengan majoriti 1,539 undi. Ini menunjukkan orang Melayu dan pengundi luar bandar di Pulau Pinang masih setia dan memberi sokongan yang padu kepada BN. Masyarakat luar bandar yang lebih cenderung kepada BN ialah kerana faktor bantuan rakyat oleh Kerajaan Persekutuan. Bantuan kepada rakyat yang diinspirasikan oleh Dato' Seri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia iaitu Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dilihat mampu meraih sokongan pengundi kawasan luar bandar. Hal ini kerana bantuan BR1M sebanyak RM500 nilainya dianggap cukup besar oleh penduduk kawasan luar bandar. Tambahan lagi bagi penduduk di kawasan luar bandar, nilai wang BR1M tersebut cukup tinggi kerana kos hidup masyarakat yang masih rendah.

Kemerosotan undi Pakatan Rakyat di kerusi-kerusi majoriti Melayu luar bandar membuktikan bahawa pelaksanaan BR1M sangat berkesan untuk menarik undi seterusnya memberi kelebihan kepada BN. Masyarakat luar bandar juga memihak kepada BN dilihat berdasarkan faktor keperluan sosioekonomi dan pembangunan setempat (politik pembangunan) atau 'harapan pembangunan'. Pengundi di kawasan luar bandar memilih BN kerana mahukan pembangunan yang mana pembangunan yang wujud akan menyediakan sumber pendapatan dan kemudahan kepada masyarakat. Justeru, pengundi memilih untuk mengundi BN agar pembangunan dapat dilaksanakan secara berterusan untuk kesejahteraan masyarakat.

Dalam PRU 2013, DAP bertanding di tujuh kerusi kerusi Parlimen dan 19 kerusi DUN dengan mencapai kemenangan 100 peratus. Dalam PRU 2013 tersebut, empat daripada tujuh kerusi Parlimen melibatkan pertandingan dengan Gerakan dan juga di sembilan kerusi DUN, manakala bagi MCA pula, bertanding di tiga kerusi Parlimen dan 10 kerusi DUN, namun MCA kalah di semua kerusi yang ditandingi kepada calon DAP yang bermakna pertembungan antara MCA dan DAP di empat kerusi Parlimen dan 10 kerusi DUN. Bagi kawasan DUN yang menjadi tumpuan adalah DUN Air Putih yang melibatkan Ketua Menteri Pulau Pinang yang juga Setiausaha Agung DAP (Lim Guan Eng) yang menewaskan calon MCA (Tan Ken Keong) dengan majoriti 7,744 undi. Di DUN Berapit pula, calon MCA iaitu Lau Cheik Tuan telah hilang wang pertaruhan/deposit apabila tewas kepada calon DAP (Ong Kok Fooi) dengan majoriti 14,765 undi, begitu juga di DUN Pengkalan Kota di mana calon MCA iaitu Loke Cheng Gin telah hilang wang deposit apabila tewas kepada calon DAP (Lau Keng Ee) dengan majoriti 13,600 undi. Ini menunjukkan buat kali pertama dua kerusi DUN di Pulau Pinang calon BN/MCA hilang deposit. Secara keseluruhannya, jumlah undi DAP di peringkat DUN Pulau Pinang pada PRU 2013 ini adalah 82.39 peratus dan MCA pula hanya 17.61 peratus. Situasi ini berbeza dengan PRU 2008 apabila DAP memperoleh 67.49 peratus dan MCA pula 32.51 peratus. Jumlah undi yang diterima oleh MCA di DUN Pulau Pinang merosot sebanyak 14,271 undi atau 39.8 peratus. Bagi DAP pula ia meningkat 63,104 undi atau 37.76 peratus. Berikut adalah 10 kawasan DUN di Pulau Pinang pertembungan antara MCA dan DAP (Jadual 1).

Jadual 1 Jumlah undi yang diterima oleh MCA dan DAP di kerusi DUN di Pulau Pinang dalam PRU 2013

Kawasan DUN Pulau Pinang	MCA	DAP
Sungai Puyu	3,174	19,381
Bagan Jermal	4,561	16,416
Berapit	2,230	16,995
Padang Lalang	3,727	18,657
Jawi	6,143	15,219
Air Putih	1,882	9,626
Pengkalan Kota	1,803	15,403
Komtar	2,555	10,669
Seri Delima	5,201	14,478
Paya Terubong	4,576	30,295
Jumlah	35,852	167,139

Sumber: Diubahsuai daripada Berita Harian 7 Mei 2013

Tiga kerusi Parlimen di Pulau Pinang yang menyaksikan pertandingan antara MCA dan DAP yang menyaksikan DAP berjaya menguasai ketiga-tiga kerusi tersebut. Undi popular yang diraih oleh DAP adalah 158,152 undi iaitu 80.15 peratus. Bagi kawasan Parlimen Bukit Mertajam, DAP memperoleh undi popular paling tinggi dengan peratusan undi popular 81.35 peratus. Faktor penyebab DAP berjaya memperoleh undi popular melebihi 80 peratus di Pulau Pinang adalah kepimpinan Lim Guan Eng yang secara kebetulannya beliau merupakan calon di Bagan. Ini menunjukkan peningkatan berbanding dengan PRU 2008 apabila DAP meraih undi popular sebanyak 106,770 yakni 73.86 peratus daripada undi keseluruhan MCA dan DAP.

Jadual 2 Jumlah undi yang diterima oleh MCA dan DAP di kerusi Parlimen di Pulau Pinang dalam PRU 2013

Kawasan Parlimen Pulau Pinang	MCA	DAP
Bagan	12,307	46,466
Bukit Mertajam	12,814	55,877
Bukit Gelugor	14,061	55,839
Jumlah	39,182	158,182

Sumber: Diubahsuai daripada Berita Harian 7 Mei 2013

Faktor-Faktor Penolakan Masyarakat Cina kepada MCA dalam PRU 2013

Faktor kepemimpinan menjadi faktor utama penolakan rakyat Cina kepada BN. Ini dapat dilihat situasi di Pulau Pinang, di mana Ketua Menteri Pulau Pinang yang juga Setiausaha Agung DAP iaitu Lim Guan Eng dilihat sebagai contoh pemimpin Cina yang berjaya di Malaysia. Beliau berjaya mendapat keyakinan rakyat untuk terus menerajui kerajaan negeri Pulau Pinang apabila beliau berjaya mengekalkan kemenangan di Bagan dan juga di Air Putih. Selain itu, DAP dibawah kepimpinan beliau di Pulau Pinang berjaya memenangi 19 kerusi DUN dan tujuh kerusi Parlimen yang menunjukkan tiada seorang pun calon DAP tewas di Pulau Pinang sama ada di peringkat DUN ataupun Parlimen. Keperibadian pemimpin menjadi faktor dalam kemenangan calon DAP dalam PRU 2013 ini khususnya di Pulau Pinang. Situasi ini menunjukkan terdapat persamaan antara DAP dan PAS di Kelantan. Faktor pemimpin menjadi watak utama dalam penentuan kemenangan dalam PRU 2013 ini. Di Kelantan, faktor Tok Guru Nik Abdul Aziz manakala di Pulau Pinang Lim Guan Eng. Jadi tidak hairanlah di Pulau Pinang, lima kawasan majoriti etnik Cina dimenangi oleh DAP sejak PRU 2004 kecuali Bukit Bendera yang mana menunjukkan peningkatan majoriti setiap kali PRU diadakan.

Penolakan berterusan etnik Cina ini, dilihat pelbagai isu yang gagal diselesaikan oleh pihak BN sebelum PRU-13 ini berlangsung. Antaranya konflik dalam MCA berterusan sejak Tun Dr. Ling Liong Sik dan Tan Sri Lim Ah Lek sebagai Presiden dan Timbalan Presiden MCA. Situasi ini, berlarutan sehinggalah era Dato' Seri Ong Tee Keat dan Datuk Seri Chua Soi Lek. Kecelaruan perpaduan dalaman MCA merupakan faktor utama yang menyebabkan MCA terus ditolak oleh masyarakat Cina dalam PRU

2013 yang lalu. Selain itu, dasar MCA yang meletakkan calon muka baru menyebabkan ramai tokoh lama yang berpengalaman tidak dicalonkan. Antara mereka yang tidak dicalonkan adalah bekas Presiden MCA iaitu Datuk Ong Tee Keat (Pandan) dan Datuk Ng Yen Yen (Raub), yang menyebabkan kedua-dua kerusi ini MCA tewas kepada PKR dan juga DAP. Keadaan ini diburukkan lagi dengan kegagalan MCA meletakkan calon mengikut aspirasi masyarakat Cina di Malaysia. Konflik dalam MCA berterusan sehingga pemilihan MCA Disember 2013 yang lalu. Pada pemilihan tersebut juga terlibat dua kumpulan antara team yang menyokong calon pilihan Datuk Chua Soi Lek serta kumpulan Datuk Seri Liow Tiong Lai. Ternyata keputusan pemilihan MCA yang terbaru berpihak kepada kumpulan Datuk Seri Liow Tiong Lai, di mana beliau dipilih sebagai Presiden, manakala Datuk Datuk Wee Ka Siong sebagai Timbalan Presiden MCA. Ini menunjukkan perwakilan MCA mahukan perubahan dalam kepimpinan MCA pada hari ini.

Situasi pada PRU 2013 ini juga menunjukkan pengundi Cina sudah bosan dengan karenah dan tingkah laku pemimpin Cina dari BN khususnya daripada MCA dan Gerakan di Semenanjung dan SUPP di Sarawak. Oleh yang demikian, pihak MCA dan Gerakan perlu mencari jalan untuk meyakinkan pengundi-pengundi Cina untuk meraih kembali sokongan daripada pengundi etnik Cina kepada parti-parti tersebut. Bagi pihak PR pula, khususnya DAP, mereka berjaya mendapatkan undi pengundi Cina kerana cara mereka berkempen yang lebih menggunakan isu tempatan. Ini dapat dibuktikan semua kerusi majoriti Cina di Kuala Lumpur dimenangi oleh DAP. Mereka menggunakan isu kemiskinan bandar dan beberapa masalah tempatan. Lebih menarik lagi di Seputeh, calon DAP iaitu Teresa Kok Suh Sim mendapat majoriti tertinggi dalam pilihan raya ini iaitu 51,522 undi. Tiga lagi kerusi yang dimenangi oleh DAP di Kuala Lumpur ini menunjukkan majoriti melebihi 30,000 undi majoriti kecuali di Bukit Bintang apabila calon DAP iaitu Fong Kui Lun menang dengan majoriti 19,399 undi.

Pengundi bandar mempunyai sikap dan pemikiran pengundi bandar lebih terbuka dan banyak terdedah dengan maklumat melalui media sosial seperti facebook, blog dan beberapa laman sosial yang lain. Pengundi bandar melihat janji-janji yang dibuat oleh BN gagal menarik perhatian mereka kerana mereka lebih selesa dan kemudahan yang hendak ditawarkan kepada pengundi sudah lengkap dan telah mempunyai segala-galanya. Manifesto PR lebih menarik perhatian pengundi bandar yang mana PR menjanjikan gaji minimum sebanyak RM 1,100. Ini dapat mengurangkan kemiskinan bandar seperti mana yang dihadapi rata-rata masyarakat di bandar khususnya di Kuala Lumpur. Sejak PRU 2004, semua kawasan majoriti etnik Cina di Kuala Lumpur ini dimenangi oleh DAP dengan majoriti yang besar. Cuma pada PRU 2004 di Bukit Bintang DAP menang dengan majoriti yang kecil iaitu hanya 304 undi.

Selain itu, pengundi Cina dilihat tertarik dengan manifesto PR pada PRU 2013 ini. Janji PR apabila menguasai Putrajaya, dasar-dasar yang melibatkan kuasa Persekutuan diyakini dapat dilaksanakan oleh pemimpin PR seperti pendidikan percuma dengan menghapuskan pinjaman pelajar iaitu PTPTN dan digantikan dengan biasiswa, penghapusan tol di lebuh raya, menurunkan harga petrol dan harga kereta seterusnya menghapuskan rasuah. Faktor menyebabkan pengundi Cina tidak menyokong BN juga boleh dikaitkan dengan beberapa isu antaranya ialah kemarahan yang terpendam kaum Cina terhadap tanggapan sesetengah pemimpin ultra Melayu terhadap kaum Cina sebagai 'pendatang' dan warganegara kelas kedua, isu rasuah dan integriti yang gagal ditangani BN sebagai Kerajaan seperti isu PKFZ dan pembahagian tender projek secara rundingan terus, isu kematian Pembantu ADUN Sri Kembangan (Teoh Beng Hock) yang dikatakan tidak mendapat pengadilan yang sewajarnya daripada pihak polis dan mahkamah, isu ketelusan dalam perbelanjaan wang negara, isu kelas sosial yang dikaitkan dengan ketidakseimbangan pendapatan terutamanya di kawasan bandar, kemerosotan kepada kemahiran yang membawa kepada pendapatan yang rendah, ketidakadilan dalam projek pengagihan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang tidak kompetitif, isu pendidikan Cina yang tidak berdaya saing walaupun sekolah vernakular masih dikekalkan, ketidakpatuhan kontrak sosial 1957 dan kemunculan DAP sebagai penghubung politik yang baru kepada komuniti Cina.

Selain itu, MCA dilihat gagal untuk mendapatkan penyertaan orang-orang muda. Tanpa penglibatan orang muda Cina dalam MCA akan menyebabkan parti ini lesu dan tidak berpeluang untuk berkembang. Ini dapat dilihat kebanyakan muda-mudi Cina lebih tertarik dengan DAP dan juga PKR kerana bagi mereka MCA gagal merealisasikan cita-cita mereka. Fenomena dikesan berlaku selepas teretusnya gerakan reformasi serta lebih jelas lagi selepas pasca PRU 2008. Pada PRU 2013 dilihat beberapa calon muda yang diketengahkan oleh DAP dilihat berjaya menarik perhatian serta undi masyarakat. Berikut

antara mereka yang diberi peluang untuk menjadi wakil rakyat DAP di Parlimen dan juga DUN (Jadual 3).

Jadual 3 Pemimpin muda DAP yang dipilih Sebagai Wakil Rakyat dalam PRU 2013

Nama	Kawasan	Jawatan Dalam Parti
Teo Nie Ching	Kulai	Setiausaha Kebangsaan Wanita DAP
Teo Kok Seong	Rasah	Pengerusi Kebangsaan DAPSY
Sim Chee Keong	Bukit Mertajam	Pengarah Pendidikan Politik DAPSY
Ee Chin Li	DUN Tangkak	Penolong Setiausaha DAPSY
Liew Cai Tung	DUN Johor Jaya (Johor)	AJK DAPSY
Tan Hong Pin	DUN Mengkibol (Johor)	Setiausaha Kebangsaan DAPSY
Lee Chin Chen	DUN Ketari (Pahang)	Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAPSY

Sumber: Diubahsuai daripada (<http://dapmalaysia.org>)

Bagi MCA pula, beberapa orang muda yang diketengahkan sebagai calon tetapi tewas dalam PRU 2013 kecuali Chua Tee Yong (Labis). Antara mereka adalah Chew Hoong Ling (Petaling Jaya Utara), Nicole Wong Siaw Ting (Seputeh), Tan Kok Eng (Seputeh), Yee Kok Wah (Kota Melaka) dan Chris Lee Ching Yong (Bakri) (<http://ge13.mca.org.my/en/candidates/>). Perkembangan ini menunjukkan bahawa MCA semakin hilang popularitinya dalam kalangan muda-muda Cina pada hari ini serta pemimpin MCA pada hari ini harus memberi ruang serta peluang kepada golongan muda-mudi Cina pada hari ini.

Politik Cina Pasca PRU-13

Sentimen politik masyarakat Cina di Malaysia dan juga di Pulau Pinang lebih mengutamakan faktor ekonomi dan keselesaan menjalankan aktiviti perniagaan dan mencari rezeki kekayaan. Perdana Menteri pertama (Tunku Abdul Rahman) pernah berpendapat masyarakat Cina lebih mengutamakan faktor ekonomi sementara masyarakat Melayu lebih mengutamakan politik. Namun selepas pasca PRU 2008, masyarakat Cina melihat tanpa politik ekonomi dan keselesaan menjalankan aktiviti perniagaan tidak boleh diaspirasikan. Jadi terdapat tiga teras utama yang sangat berpengaruh membentuk sikap dan pendirian politik etnik Cina. Malah ketiga-tiga aspek ini juga dianggap sebagai '*the three pillars of Chinese identity in Malaysia*' (Tiga Teras Identiti Cina - TTIC). Pertamanya ialah Pendidikan Cina; kedua, Media Cina dan ketiganya, ialah Huatuan (Pertubuhan Cina) (Matthew, 2013).

Sikap dan pemikiran politik masyarakat Cina dibentuk oleh ketiga-tiga unsur teras ini. Parti politik Cina juga tidak berupaya untuk mempengaruhi sikap politik masyarakat Cina berbanding dengan apa yang boleh dilakukan oleh TTIC ini. Sebaliknya, dalam kebanyakan isu dan senario sosiopolitik, parti politik Cina sering menari mengikut rentak paluan TTIC. Lebih ironis, parti politik Cina harus memperlihatkan simpati dan berkongsi perjuangan dengan TTIC jika tidak mahu dihukum dalam pilihan raya. Identiti Cina dipelihara, dicorakkan dan ditentukan oleh TTIC. Parti politik Cina pula dilihat hanya berperanan sebagai ejen menjayakan agenda perjuangan TTIC. TTIC mempunyai fungsi dan peranan penting dalam mempertahankan serta memperjuangkan isu mengenai identiti etnik Cina di Malaysia. Misalnya, teras pertama Pendidikan Cina - berfungsi mempertahankan dan mengembangkan kebudayaan dan bahasa Cina dalam kalangan masyarakat Cina supaya jati diri generasi Cina akan datang tidak hilang ditelan proses sosialisasi dan pembudayaan masyarakat Malaysia. Pemimpin pendidikan Cina percaya bahawa tanpa sekolah Cina, bahasa dan kebudayaan Cina tidak mungkin dapat dipertahankan di negara ini. 'Dong Zhong' dan 'Dhong Jiao Zhong' adalah dua pertubuhan penting yang sering menjadi pejuang kepada pendidikan Cina di Malaysia (Markus, 2010; Markus 2012).

Media Cina seperti akhbar, media elektronik dan media mayanya berperanan membangkitkan kesedaran isu dan masalah masyarakat dan identiti Cina di negara ini. Ia juga sangat berpengaruh membentuk sikap dan pemikiran masyarakat Cina. 'Huatuan' atau pertubuhan Cina pula mewakili dan menjaga pelbagai kepentingan masyarakat itu dalam bidang ekonomi dan perniagaan, bahasa dan kebudayaan serta pelbagai minat, kecenderungan masyarakat Cina. Terdapat hampir 3,000 pertubuhan Cina di Malaysia pada hari ini yang mewakili dan menjaga pelbagai kepentingan masyarakat Cina.

Nyatalah betapa masyarakat Cina sangat kuat berpersatuan dan mementingkan perpaduan dan penyatuan fikiran dalam memperjuangkan pelbagai kepentingan mereka. Justeru, pertubuhan Cina ini sangat aktif menjalankan pelbagai aktiviti mereka yang amat berpengaruh ke atas pemikiran masyarakat Cina dalam hampir semua hal termasuk politik. 'Huatuan' inilah NGO Cina yang sangat kuat pengaruhnya ke atas pemikiran dan sikap politik masyarakat Cina di Malaysia. (Markus, 2010; Markus 2012).

Kegagalan BN memperoleh undi Cina juga dikaitkan dengan krisis dalaman parti itu yang masih belum selesai membuatkan pengundi Cina tidak mahu memilih BN pada setiap siri pilihan raya kecil. Jelasnya, ia menyebabkan keyakinan pengundi etnik Cina terhadap MCA masih belum pulih sepenuhnya. Selepas PRU-13 sehingga hari ini, MCA dilihat tidak berubah serta tidak memajukan diri untuk kebaikan masyarakat Cina. Ini menyebabkan masyarakat Cina berasa kecewa terhadap MCA. Kaum Cina kini kurang berminat bercakap mengenai isu perkauman atau agama sebaliknya mereka lebih mementingkan parti dan berharap parti mempunyai pandangan tegas terhadap isu yang lebih besar berkaitan negara. Mereka inginkan suara mereka dapat dibawa dalam BN/Kerajaan melalui MCA dan GERAKAN iaitu dua buah parti politik yang didominasi etnik Cina namun ia (MCA dan GERAKAN) gagal membawa aspirasi kaum Cina tersebut sebaliknya masih tunduk kepada tekanan UMNO yang menjadi tulang belakang BN.

Kaum Cina kini lebih mementingkan isu negara seperti perkembangan ekonomi, pembasmian rasuah, keadilan sejagat, ketelusan dan kehakiman yang adil. Kaum Cina mahu pemimpin yang boleh membantu pembangunan ekonomi negara dan meningkatkan taraf hidup kaum itu. Walaupun Perdana Menteri sering mewar-warkan gagasan 1Malaysia, namun masyarakat Cina masih tidak merasakan ada perubahan. Dalam pada itu, Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) menjadi penghalang untuk mencapai gagasan 1Malaysia. PERKASA yang dikatakan proksi kepada UMNO dilihat menghalang kejayaan gagasan 1Malaysia dan menyebabkan masyarakat Cina berfikir kerajaan (BN) kekal bersifat lebih mengutamakan sesuatu kaum seperti dahulu.

Selain itu, kaum Cina hilang keyakinan terhadap MCA kerana parti itu gagal menyelesaikan masalah masyarakat Cina dengan baik. Bahkan, MCA tidak mempertahankan pendapat dan tegas dalam menangani isu-isu negara. Pandangan kaum Cina kini tidak lagi dihadkan kepada sesebuah parti yang mewakili masyarakat Cina untuk mempertahankan keperluan asas mereka. Parti yang disukai adalah parti yang layak mewakili Malaysia dan mempertahankan ketelusan serta keadilan di negara ini. Ini antara ciri-ciri yang tidak ada pada MCA. Jika BN mahu memenangi semula keyakinan masyarakat Cina, mereka perlu mewujudkan sebuah kerajaan yang seimbang, adil tanpa mengutamakan kaum-kaum tertentu sahaja. Masyarakat Cina di Malaysia adalah masyarakat yang begitu berminat dengan politik. Mereka amat sensitif dan sentiasa mengikuti perkembangan politik tanah air dan memahami bahawa, sistem politik direka untuk kegunaan dan pemulangan untuk orang politik dan sesiapa saja yang menyokong ahli politik itu. Mereka sedar, sistem politik tidak dapat ditukar atau mengubah tetapi mereka perlu mencari posisi mereka dalam sistem politik itu sendiri. Isu utama dalam politik adalah kuasa (power). Sesiapa yang punyai kuasa ini, tentunya akan digunakan kuasa itu ke atas orang yang tidak punyai kuasa. Kuasa yang diberi pada ahli politik oleh pengundi selalunya dikawal oleh badan kehakiman yang mempertahankan Perlembagaan Negara yang diterima oleh majoriti rakyat dan inilah proses demokrasi. Walau pun hakikatnya kuasa politik itu adalah asal dari rakyat, tetapi kuasa politik itu akan menjadi hak ahli politik mutlak sehingga pilihan raya yang baru. Pilihan raya merupakan mandat baru dan penentuan kepada siapa pengundi ingin beri kuasa itu (Mohd Hasbie, 2013).

Budaya politik etnik Cina menunjukkan mereka mempunyai pemikiran politik yang dinamik serta terbuka dalam memilih parti atau calon yang bertanding dalam setiap pilihan raya. Ini dapat dilihat dalam pilihan raya umum 1990 dan 1995 iaitu di negeri Pulau Pinang, bagi kawasan DUN mereka mengundi BN untuk mengekalkan kesinambungan pembangunan negeri yang selaras dengan pemerintahan BN di peringkat Malaysia/Persekutuan namun bagi kawasan parlimen pula, mereka menyokong DAP agar isu/masalah yang tidak diselesaikan oleh BN di peringkat negeri dapat disuarakan oleh wakil rakyat DAP di peringkat parlimen/negara seterusnya dapat mewujudkan situasi *check & balance*/sekat dan imbang terhadap kuasa politik BN di peringkat nasional. Pola pengundian etnik Cina lebih bersifat universal iaitu mementingkan isu nasional seperti isu rasuah, keadilan dan ketelusan berbanding isu lokal/setempat. Mereka juga bersifat 'berani berubah' secara total atau disebut sebagai 'tsunami politik' dengan memecah tembok 'status quo' BN di kawasan yang tidak pernah dimenangi parti-parti pembangkang dan berperanan menumbangkan kerajaan BN di Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah yang diterjemahkan melalui kuasa politik mereka iaitu undi. Keputusan politik etnik Cina juga menunjukkan undi mereka

menjadi penentu kepada kemenangan mengikut kawasan dan pembentukan kerajaan yang mempunyai jumlah kerusi di kawasan bandar yang dominan, menentukan kekuasaan 2/3 kerusi Parlimen bagi BN seterusnya dapat memecahkan hegemoni politik BN di negara ini.

KESIMPULAN

DAP dilihat mencapai keputusan yang membanggakan apabila berjaya menguasai hampir keseluruhan kerusi Cina di Pulau Pinang dalam PRU 2013 ini. Situasi MCA di Pulau Pinang memerlukan tempoh masa yang panjang untuk memulihkan keadaan. Ini kerana jumlah undi yang diterima oleh MCA jatuh dengan mendadak serta buat kali pertama dalam sejarah BN, pada pilihan raya ini calon parti komponennya, calon MCA hilang deposit di dua kawasan DUN. Senario ini memeranjatkan pemerhati politik Malaysia kerana sebelum ini hanya calon Bebas serta parti-parti pembangkang sahaja yang hilang deposit. Selain itu, senario di Pulau Pinang ini menunjukkan tiada halangan serta sekatan dalam demokrasi di Malaysia. Jika MCA dan UMNO serta rakan-rakan mereka dalam BN tidak melakukan transformasi serta reformasi politik mereka mungkin pada pilihan raya umum yang akan datang legasi BN akan berubah.

RUJUKAN

- Amer Saifude Ghazali. (2009). *Geografi pilihan raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Berita Harian. (2013). Pilih Najib, undi BN: Perdana Menteri minta rakyat buat pilihan antara beliau, Anwar, Hadi. Hlm. 2.
- Ibrahim Abu Shah, Shireen Haron, Norshidah Nordin, Shaharuddin Badaruddin, Mat Zin Mat Kib, Yadman Sarwan, S. Salahuddin Suyurno, Zulkifli Dahalan, Mujibu Muis & Shu'aibi Zainal Abidin. (2009). Isu dan tingkah laku semasa kempen pilihan raya kecil Parlimen Permatang Pauh. Dlm Worrnan Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline (Pnyt.), *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya Ke-12*. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Junaidi Awang Besar. (2012). Persepsi politik dan trend pengundian di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir, Pulau Pinang. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8(3), 61 - 70.
- Junaidi Awang Besar. (2016a). Analisis Geografi Pilihan Raya, Sosiopolitik dan Sosiobudaya di Kawasan Parlimen Bagan Serai, Negeri Perak Darul Ridzuan, Malaysia. *The 2016 Konferensi Internasional Budaya Melayu*. Anjuran Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Jambi (UNJA), Sumatera, Indonesia. Tempat: Kampus UNJA Pasar, Jambi, Sumatera, Indonesia. 26-27 Oktober.
- Junaidi Awang Besar. (2016b). Pola pengundian dalam pilihan raya umum Malaysia Ke-13. *Seminar Antarabangsa ke-5, Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*. Tempat: Hotel Condotel Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Anjuran Bersama: Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia; Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA); & Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia. 26-28 Julai.
- Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, Mohd Faiz Mohd Zain & Ahmad Afif Zulkipli. (2016a). Analisis Geografi Pilihan Raya Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manir, Terengganu. *8th International Conference on Humanities and Social Sciences (ICHiSS) 2016*. Theme: Innovation in Humanities and Social Sciences: Opportunities and Challenges" at the Hotel Royale Chulan Damansara, Selangor, Malaysia. Organized By: Faculty of Defence and Management Study, National Defence University of Malaysia (UPNM) and Prince of Songkla University (PSU), Thailand. In The Royale Chulan Hotel, Damansara, Selangor. 27-29 May.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Mohd Faiz Mohd Zain & Muhammad Hazim Abdul Ghani. (2016b). Trend Pengundi Etnik Melayu dalam Pilihan Raya Umum Ke-13. Dlm. Mohamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud. (Pnyt.). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Refleksi Politik Perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Lam Kuok Choy, Amer Saifude Ghazali, Rosmadi Fauzi, Mazlan Ali, Siti Noranizahhafizah Boyman, Mohd Faiz Mohd Zain dan Muhammad Hazim Abdul Ghani. (2015a). Pengaruh geopolitik popular terhadap gelagat politik pengundi muda universiti awam di Lembah Klang. *Geografi*, 3(2): 37-44.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faiz Mohd Zain, Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Rizal Mohd Yusof & Muhammad Hazim Abd Ghani. (2015b). Calon lama Vs calon muda dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Parlimen Rompin dan Parlimen Permatang Pauh 2015. *2nd International Conference On Human Sustainability (INSAN 2015)*. In

- The Royale Bintang Resort And Spa, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia. Hosting By Faculty of Science, Technology & Human Development, University Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor. 19-20 Oktober.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2009). Pilihan Raya Kecil DUN Penanti tanpa BN: Analisis calon, kempen dan isu. *Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia Ke-11 (SKIM XI)*. Kampus Dipati Ukur, Universitas Padjadjaran (UNPAD), Bandung, Indonesia. Anjuran Universitas Padjadjaran dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. 10-12 November.
- Markus Lim Han King. (2012). *Antara amarah Cina, amarah rakyat*. Dlm Pemikir. Januari-Mac. Bangi: Utusan Karya Sdn Bhd.
- Markus Lim Han King. (2010). *MCA bukan lagi wadiah orang Cina?* Dlm Pemikir. Oktober-Disember. Bangi: Utusan Karya Sdn Bhd.
- Matthew Chan. (2013). Penangan undi Cina. Dlm. *Dewan Masyarakat*. Jilid 51, Bil 06 Jun 2013.
- Mohd Hariszuan Jaharudin. (2016). Politik lama dan trend pengundian kaum Melayu di Pulau Pinang. Dlm Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud. *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Hasbie Muda. (2013). *Kemenangan yang tertangguh: Analisis keputusan PRU ke-13 dan unjuran kemenangan masa hadapan*. Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy.
- Mohammad Redzuan Othman, Zulkanain Abdul Rahman, Shahrudin Badaruddin, Amer Saifude Ghazali, & Md. Rozimi Md Nasir. (2009). *Permatang Pauh: Pilihan Raya Kecil Ogos 2008*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Rosmadi Fauzi, Aziz Shafie, Amer Saifude Ghazali, Zulkanain Abdul Rahman & Mohammad Redzuan Othman. (2011). Elemen ruangan dalam politik Malaysia menjelang Pilihan Raya Umum 13. Kertas Kerja Seminar Politik Malaysia. 12 Januari. UiTM Shah Alam.
- Ruslan Rainis & Noresah Mohd Shariff. (1998). *Sistem maklumat geografi*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sothi Rachagan. (1993). *Law and the electoral process in Malaysia*. Universiti Malaya Press: Kuala Lumpur.
- SPR. (2013). *Laporan Pilihan Raya Umum ke-13 2013*. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Teh Ting Ting. (1996). Trend Pengundian Kaum Cina di Pulau Pinang. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Toh Kin Won. (2003). Machang Bubuk: Change in voting patterns, 1995-1999 dalam Francis Loh Kok Wah and Johan Saravanamuttu 2003 *New Politics in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast ASIAN Studies.